

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN "SENI PERTUKANGAN TANGAN MELAYU SEZAMAN"
Lokasi : MUZIUM NEGARA,
Tarikh : 29-07-1982

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Dato' Shahrum Yub, Ketua Pengarah Jabatan Muzium.

Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, Saya bersyukur kepada Allah subhanahu wataala kerana dengan izinNya dapat saya bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian di Majlis pagi ini.

2. Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Shahrum bin Yub, Ketua Pengarah Jabatan Muzium yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan "Seni Pertukangan Tangan Melayu Sezaman" kerana telah sudi menjemput saya ke Majlis Penyampaian Hadiah ini dan memberikan penghormatan kepada saya untuk menyampaikan sepatah-dua kata.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Apabila kita memperkatakan seni pertukangan Melayu sudah tentulah ingatan kita akan menyorot kembali kepada seni pertukangan Melayu di zaman tradisional dahulu. Di kala itu seni pertukangan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Motif-motif yang terdapat di dalam seni pertukangan pada masa itu bukan sahaja dinilai dari segi kehalusan hasil seninya tetapi juga mempunyai mesej-mesej yang tertentu yang menggambarkan pemikiran serta falsafah hidup dan juga alam persekitaran yang wujud di zaman tersebut. Maka tidak hairanlah mengapa golongan ahli-ahli tukang ini adalah golongan yang istimewa di kalangan rakyat jelata dan sentiasa dipelihara dengan diberikan keistimewaan-keistimewaan khas.

4. Malangnya sejak pemodenan meresap ke dalam masyarakat kita dan teknologi moden menjadi sahabat-karib kita, perkembangan seni pertukangan Melayu sudah tidak begitu bertenaga lagi. Mungkin masyarakat kita beranggapan bahawa profesyen ini tidak menguntungkan ataupun memberikan pulangan pendapatan yang lumayan serta prestige kepada mereka jika dibandingkan dengan profesyen-profesyen lain, maka tersangat sedikit generasi-generasi sekarang yang berminat menerokai bidang seni pertukangan ini. Ilmu-ilmu seni pertukangan yang ada pada ahli-ahli tukang dahulu semakin pupus ditelan dek zaman.

5. Kemungkinan juga, ada yang beranggapan bahawa apa yang dapat dihasilkan oleh ahli-ahli tukang di zaman ini hanya sebahagian kecil sahaja daripada apa yang telah dicipta oleh ahli-ahli tukang di zaman silam dan ilmu-ilmu seni pertukangan yang terdapat pada hari ini hanyalah cebisan ilmu daripada ahli-ahli tukang di zaman dahulu.

6. Berdasarkan kepada hakikat ini, tidak menghairankan kalau kita yang sekarang berusaha untuk mengembalikan semula kegemilangan silam dan menghayati keindahan seni pertukangan Melayu merasakan begitu sukar untuk mendapatkan ahli-ahli tukang yang benar-benar mahir dan boleh menghasilkan karya-karya yang benar-benar bermutu tinggi dan mendapat pengiktirafan antara-bangsa.

7. Namun demikian, syukur kita kepada Allah s.w.t. kerana perkembangan pada akhir-akhir ini jelas menunjukkan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk menghidupkan semula dan menjadikan seni pertukangan Melayu ini sebagai satu industri yang menguntungkan, dan memperkenalkan secara komersial identiti seni pertukangan negara ini kepada negara-negara lain sudah mula memperlihatkan hasilnya walaupun belum boleh dibanggakan lagi. Saya berharap mereka yang terlibat di dalam industri ini akan terus berusaha dengan seberapa yang boleh untuk mencipta dan menghasilkan karya-karya seni pertukangan mereka dengan lebih halus dan lebih bermutu.

8. Saya percaya dengan segala kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan, bidang industri ini mempunyai masa depan yang cerah dan boleh mendapat pasaran yang luas di luar negeri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Kesedaran dan peranan yang telah ditunjukkan oleh Muzium Negara untuk mempopularkan industri seni pertukangan tangan ini melalui pameran dan pertandingan seumpama ini adalah satu langkah yang positif. Saya percaya langkah-langkah serupa ini akan memberikan perangsang dan nafas baru kepada pencipta-pencipta seni pertukangan tangan Melayu untuk mencipta karya-karya yang lebih unik dan menarik lagi walaupun hanya dengan menggunakan sumber-sumber tempatan yang murah dan mudah didapati.

10. Seiringan dengan inisiatif Muzium Negara juga, saya percaya Perbadanan Kraftangan Malaysia dan juga Karyanika yang secara langsung terlibat dengan kemajuan dan penggalak perkembangan perindustrian seni pertukangan Malaysia, mempunyai cara-cara mereka yang tersendiri yang lebih berkesan dalam bidang ini. Saya berharap hasil daripada tindakan-tindakan ini akan dapat meletakkan semula seni pertukangan Melayu di tempat yang sewajarnya dan dapat mengeneipkan pasaran seni pertukangan asing yang begitu banyak di impot ke negara ini.

11. Dalam hal ini juga saya merasa bangga bahawa syarikat-syarikat swasta khususnya Bank Bumiputera dan agensi-agensi Kerajaan kerana telah sudi tampil ke hadapan dengan penuh tanggungjawab menaja dan menghulurkan bantuan kewangan dan moral untuk menjayakan cita-cita murni Kerajaan di bidang ini. Saya berharap supaya lebih banyak lagi agensi-agensi dan syarikat-syarikat tampil ke hadapan untuk terus memajukan seni ini.

12. Akhir kata saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan sebanyak terima kasih kepada semua yang terlibat untuk menjayakan pertandingan "Seni Pertukangan Melayu Sezaman" ini. Saya berharap pertandingan-pertandingan serupa ini akan terus diadakan dari masa kesemasa dengan penglibatan lebih banyak lagi peserta-peserta dari seluruh negara.

Sekian, Wabillahi taufik, Walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.